

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 APRIL 2014**

1. BORANG KAJI SELIDIK BAJET MPSP TAHUN 2015

Saya di sini ingin memaklumkan bahawa Majlis telah menyediakan borang Soal Selidik Bajet Tahun 2015 yang berlandaskan *Gender Responsive Participatory Budgeting* (GRPB). Soalan-soalan yang diberikan adalah untuk membantu MPSP dalam memastikan perkhidmatan yang diberikan mencapai kesaksamaan gender dan responsif kepada keperluan-keperluan yang berbeza bagi kelompok yang berlainan dengan sumber yang terhad. Kaji selidik ini juga bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklum balas daripada warga Seberang Perai berhubung dengan perkhidmatan yang perlu ditambahbaik dan diberi keutamaan oleh Majlis. Hasil dari soal selidik ini akan dianalisa dan dapat membantu MPSP dalam menyediakan Bajet Tahun 2015. Maklumat dari stakeholders diperlukan untuk memastikan perkhidmatan Majlis memenuhi keperluan dan kepuasan warga Seberang Perai. Soal Selidik ini telah dimuat naik ke dalam laman web MPSP (www.mpsp.gov.my) dan boleh diakses mulai 15 April 2014 sehingga 10 Mei 2014.

Sehubungan dengan itu, sesiapa yang tidak mempunyai akses kepada internet boleh juga mendapatkan borang ini daripada Ahli Majlis MPSP di kawasan masing-masing. Salinan cetak (*hard copy*) Soal Selidik Bajet 2015 ini telah disediakan dalam tiga (3) bahasa iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil supaya komuniti daripada bangsa yang berbeza boleh memahami soal selidik tersebut dan mengambil bahagian dalam soal selidik ini.

Majlis amat menghargai masa dan kerjasama yang diberi oleh semua warga Seberang Perai dalam memberi pandangan dan mengisi borang soal selidik ini. Semua maklumbalas yang diperolehi akan dianalisa dan dimasukkan dalam persediaan Bajet 2015 MPSP. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi pegawai yang terlibat di talian 04-5497473 @ yilai@mpsp.gov.my (Cik Lai) atau 04-5497841 @ rahida@mpsp.gov.my (Pn. Rahida).

2. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN

Saya ingin memaklumkan bahawa Operasi Serahan Waran Tahanan telah bermula pada 16 April 2014 ke atas pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran.

Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan dengan **SEGERA** bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP. Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau secara online di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my

Sila hubungi di talian 04-5497790/470/471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

3. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Adalah dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku, Seberang Jaya pada hari Ahad 4 Mei 2014. Manakala Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan pada 18 Mei 2014 (Ahad) dan Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 Mei 2014 (Ahad). Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

4. HARI PEKERJA

Dimaklumkan Hari Pekerja akan disambut pada 1 Mei 2014 (Khamis).
Justeru, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Pekerja kepada semua warga kerja, khususnya pekerja-pekerja MPSP dan seluruh pekerja di Seberang Perai.

5. SELAMAT MENYAMBUT HARI WESAK

Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wesak kepada semua penganut Buddha yang bakal meraikannya pada 13 Mei 2014 (Selasa) dan hari tersebut merupakan Hari Kelepasan Am.

SEKIAN, TERIMA KASIH.